



# Buletin Kelab



Keluaran 09/05

November 2005 /Syawal 1426H

## SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI



### BULETIN SEMASA ANJURAN KELAB

**Program Ihya Ramadhan** telah diadakan disepanjang bulan Ramadhan 1426 /Oktober 2005 yang lalu anjuran bersama Kelab Kebajikan Kakitangan Pentadbiran dan Jabatan Pembangunan Sumber Pusat Matrikulasi UIAM. Diantara acara yang diadakan termasuklah Ceramah Mingguan dengan menjemput penceramah jemputan dari luar, acara sembahyang berjamaah solat zuhor dan tazkirah bersama-sama dengan ustaz yang dijemput. Program tersebut diadakan di Mahallah Abu Bakar.

**Bazar Ramadhan** merupakan program yang mendapat sambutan yang mengalakkan pada mulanya tetapi akhirnya tidak mendapat sambutan yang mengalakkan. Ini disebabkan sambutan yang tidak mengalakkan dari warga Matrikulasi UIAM. Walau bagaimanapun diucapkan tahniah kepada Biro Ekonomi kerana telah berusaha mengadakan gerai-gerai tersebut bagi kemudahan warga Matrikulasi UIAM membeli juadah berbuka puasa. InsyaAllah dimasa akan datang dengan perancangan yang lebih baik, pasti akan beroleh kejayaan



**Program Bubur Lambuk Ukhuwwah** telah diadakan pada 26 Oktober 2005 bertempat di tapak Bazar Ramadhan. Buat julung-julung kalinya telah diadakan bagi tujuan mengeratkan tali silaturahim diantara ahli-ahli kelab dan satu program kebajikan bagi memberi makan orang-orang yang berpuasa. Program tersebut mendapat sambutan dari ahli-ahli dan mendapat kerjasama dari Dekan Pusat Matrikulasi UIAM, Encik Abbas Hasan. Beliau telah sama-sama memasak bubur lambuk ala Kampung Baru. Pak Hamzah telah dijemput khas dari



### Kandungan Buletin

Puasa Enam	2
Raya Sebenar Raya	3
Bersama Ketua Biro Pendidikan	4
Sisopak Siibotak Sibuta	5
Salam Aidil Fitri	6
Resepi Bubur Lambuk	8
Ramadhan Dan Aidil Fitri	4



### +KELEBIHAN LELAKI PADA AKALNYA

Allah Maha Bijaksana menjadikan makhluk berpasang-pasang; lelaki dan wanita, bumi dan langit, siang dan malam, syaitan dan malaikat, gunung dan lembah, matahari dan bulan, begitulah seterusnya. Banyak hikmah dalam kejadian alam yang perlu direnung dan dijadikan bukti keagungan Allah. Satu contoh dalam kejadian manusia, Allah jadikan wanita bersifat lembut dengan nisbah 9/10 malu dan 1/10 akal, manakala lelaki 9/10 akal dan 1/10 malu. Atas kelebihan akal inilah, Allah menjadikan kaum lelaki penjaga bagi kaum wanita. Begitu juga dalam apa jua masalah, Allah menyamakan 2 wanita dengan 1 lelaki; contohnya dalam hal penyaksian. Walaupun kurang berakal, namun wanita ada sifat malu. Kerana ada malulah, wanita dipandang mulia. Kalaulah wanita tiada malu, habislah dunia ini. Begitu juga lelaki, meskipun kurang malu namun mereka mempunyai akal yang dapat memikirkan kesan dan sebab-akibat sesuatu perkara. Kalaulah lelaki tiada akal, dunia akan jadi kucar-kacir.

Begitulah kebijaksanaan Allah untuk menjaga keharmonian alam. Namun apa dah jadi pada masa ini. Wanita sudah tidak ada perasaan malu lagi; bebas bergaul tanpa batas, bebas keluar hingga larut malam. Manakala lelaki pula sudah tidak menggunakan akal lagi malah merosakkannya pula. Fikirkanlah kesan buruk yang akan menimpa masyarakat jika fitrah kejadian ini sudah diabaikan. Wanita yang sepatutnya malu dah tiada malu lagi; lelaki yang sepatutnya berakal dah hilangkan akal mereka. Perempuan dengan gejala dedah; lelaki dengan gejala dadah. Kata orang tua-tua - pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara kini sudah hampir berkubur. Apa tindakan kita sekarang?



## PUASA ENAM : BOLEHKAH DISATUKAN DENGAN PUASA QADA

**Puasa enam** ialah puasa yang dikerjakan dengan berturut-turut atau berselang-selang sebanyak enam hari pada bulan Syawal selepas Hari Raya Fitriah. Puasa enam itu sunat dikerjakan oleh orang yang telah mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh dan juga sunat dikerjakan oleh orang yang tidak berpuasa Ramadan sebulan penuh disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syarak seperti haid dan nifas, musafir atau orang sakit. Manakala bagi orang yang meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja adalah haram melakukan puasa enam kecuali setelah selesai mengqada puasanya. Namun ganjaran pahala puasa enam bagi orang yang tidak berpuasa penuh bulan Ramadan tidak sama dengan ganjaran pahala bagi orang yang mengerjakan puasa enam selepas mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh.

Sunat puasa enam ini berdasarkan sabda Baginda yang maksudnya :

*"Sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun."* (Hadis riwayat Muslim).

### KEWAJIPAN MENGQADA PUASA

Kewajipan mengqada puasa itu tidak kira sama ada puasa itu ditinggalkan dengan sengaja atau kerana keuzuran kecuali orang-orang yang benar-benar tidak berdaya mengerjakannya seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh. Mereka tidak diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan itu tetapi wajib membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkan. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya :

*"Dan wajib atas orang-orang yang tidak berdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin."* (Surah Al-Baqarah : 184).

Puasa qada boleh dilakukan pada bila-bila masa kecuali pada hari-hari yang diharamkan berpuasa seperti Hari Raya Fitriah, Hari Raya Haji atau pada hari-hari Tasyriq dan sebagainya dan ia wajib disegerakan sebelum masuk Ramadan yang baru.

### MENYATUKAN PUASA QADA DENGAN PUASA ENAM

Bagi orang yang hendak melakukan qada puasa Ramadan (meninggalkannya kerana keuzuran yang dibolehkan oleh syarak), ia boleh dilakukan sekaligus dengan puasa enam dalam bulan Syawal. Caranya ialah orang tersebut hendaklah berniat bagi kedua-duanya iaitu puasa qada dan puasa sunat tersebut dengan tujuan bagi mendapatkan ganjaran kedua-dua sekali (iaitu ganjaran puasa qada dan ganjaran puasa sunat).

Ibnu Hajar Al-Haitami dalam fatwanya menjelaskan, mengenai orang yang berniat puasa sunat bersama puasa wajib seperti di atas dengan katanya maksudnya :

*"Jika diniatkan keduanya (puasa sunat dan pusat wajib) dia mendapat ganjaran bagi kedua-duanya atau diniatkan salah satu maka gugur tuntutan yang satu lagi dan tidak mendapat ganjarannya."* (Al-Fatwa Al-Kubra : 2/75).

### Ramadan & Aidilfitri

Sungai disusur sehari-hari  
 Dalam gelap menangkap ikan  
 Kami menyusun sepuluh jari  
 Salah dan silap harap maafkan  
 Disisir diandam dengan cekap  
 Potong rambut pelbagai gaya  
 Puasa sebulan sudahlah lengkap  
 Kita menyambut Hari Raya

Negara kita aman sentosa  
 Jangan dilupa orang terinanya  
 Makan sudah baju bergaya  
 Orang fakir jangan dilupa  
 Masak udang dan gulai ketam  
 Pembasuh mulut kuih keria  
 Berbunyi mercun berdetum detam  
 Riang gembira dihari raya

Adik tersayang segak bergaya  
 Mengait kuih di atas para  
 Suasana riang di hari raya  
 Bermaaf-maafan riang gembira

Menyeberang lautan melintas negeri  
 Terbang jauh dari Itali  
 Datuk nenek muka berseri  
 Anak cucu telah kembali  
 Gua Niah pintunya lebar  
 Dayak dusun jadi penjaga  
 Datuk nenek tidak tersabar  
 Kuih tersusun di atas meja  
 Memukul gendang pelbagai gaya  
 Amat meriah riang gembira  
 Ramai bertandang di hari raya  
 Tersenyum riang sanak saudara

## RAYA SEBENAR RAYA

Sempena hari raya ini, marilah sama-sama kita merenung sebuah hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik, berkaitan dengan konsep 'hari raya' yang lebih luas. Menurutnnya, Nabi Muhammad saw. bersabda hari raya yang sebenarnya bagi orang beriman itu ada pada 5 keadaan:

1. Setiap hari ia berjalan dan bertemu seorang yang beriman serta ia tidak melakukan sebarang dosa, itu ialah hari raya baginya.
2. Hari keluarnya dari dunia dengan penuh keimanan dari tipu daya syaitan
3. Hari menyeberang Siratul Mustakim dan terselamat dari bencana jatuh ke dalam api neraka
4. Hari kita masuk syurga dengan selamat dan terlepas dari api neraka
5. Hari ia menatap wajah Allah Ta'ala

Menurut Nabi Muhammad saw. Hari Raya bagi setiap orang beriman ada pada 5 ketika; iaitu setiap hari yang dia tidak melakukan sebarang dosa, saat meninggal dunia dalam husnul-khatimah, hari berjaya melintasi Siratul-Mustakim dan terselamat dari masuk ke neraka, masuk ke dalam syurga dan hari dia mengadap Allah Taala. Sekiranya kita tidak melakukan sebarang dosa pada sesuatu hari, itu adalah hari raya bagi kita. Kalaulah kita berusaha sungguh-sungguh menghindarkan diri melakukan sebarang dosa dengan menjauhi larangan Allah serta mematuhi segala perintah Allah, hari itu adalah sebenarnya hari yang harus dirayakan. Saat menghembuskan nafas terakhir dengan penuh keimanan dari tipu daya syaitan juga termasuk dalam 'hari raya' yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad saw. Saat sakratul-maut adalah masa yang paling genting bagi setiap individu. Kesakitannya yang amat sangat bukan saja menimpa jasad bahkan rohnya juga; seperti yang digambarkan oleh ulama kesakitannya lebih dahsyat daripada ditusuk dengan 1000 pedang, atau digunting dengan beberapa gunting atau digergaji dengan beberapa gergaji. Malahan dikatakan saat sakrat adalah hari kiamat bagi si-mati. Menurut Imam Ghazali kesusahan mati itu 3, pertama kesakitan sakrat, kedua kesusahan melihat kedatangan malaikatul-maut dengan mukanya yang amat bengis dan ketiga kesusahan jika dinampakkan tempat kediaman di neraka (jika ahli maksiat). Sudahlah tidak ter-tahan dengan kedahsyatan yang amat sangat, syaitan pula sibuk menangguk di air keruh. Di saat inilah dia menjalankan taktik dan strategi terakhir untuk menumpaskan kita. Hanya orang yang Allah tetapkan mati dalam husnul khatimah saja terlepas dari tipu dayanya. Berjayanya kita di saat ini barulah kita dapat menikmati hari raya sebenarnya. Namun alam perkuburan merupakan alam yang penuh dengan peristiwa-peristiwa dahsyat. Bagi orang mukmin, ia merupakan satu taman dari taman-taman syurga, sebaliknya bagi orang kafir, alam barzakh adalah satu pintu dari pintu neraka.

Hari Raya seterusnya adalah hari kita berjaya melepasi api neraka selepas merentas Titian Siratul Mustaqim. Sebelum menyeberang jambatan yang direntang di atas kawah neraka, setiap individu disoal dan ditimbang amalan baik dan jahatnya. Selesai dari segala perhitungan tersebut barulah diperintah meniti Titian yang sangat tajam dan sangat halus ini. Orang yang mengikut jalan lurus semasa di dunia selamat menyeberang dengan kelajuan yang pantas. Malangnya mereka yang menyeleweng dari jalan lurus di dunia gagal dan jatuh ke dalam api neraka. Bayangkan betapa dahsyat dan ngerinya berada di jambatan yang di bawahnya terdapat lautan api yang sentiasa mengait sesiapa saja yang berdosa. Andainya terlepas dari ter- cebur ke neraka, barulah boleh kita berhari raya.

Hari kita masuk syurga adalah hari raya seterusnya bagi orang beriman. Terlepasnya dari neraka bermakna kita akan dimasukkan ke dalam syurga yang penuh dengan kenikmatan dan kelazatan. Syurga adalah tempat manusia pilihan. Penghuni-penguni syurga dengan muka yang berseri-seri diberikan kerajaan yang sangat luas dengan mahligai yang besar serta menikmati pelbagai juadah yang lazat-lazat. Pendeknya mereka beroleh segala kelazatan dan terhindar dari segala seksa. Inilah sebenarnya hari raya bagi orang mukmin. Hari raya yang paling menggembirakan orang beriman ialah di saat memandangi wajah Agung Ilahi. Inilah kenikmatan yang paling agung dan lazat sehingga terlupa kelazatan dan kenikmatan syurga. Ia merupakan puncak atau klimaks kenikmatan orang beriman.

Memandangkan kita belum pun menempuh saat-saat di atas, sepatutnya kita berasa cemas dan berwas- pada. Dalam masa kita bersuka ria menyambut hariraya ini, lintaskanlah di hati sanubari kita bahawa hari raya sebenarnya belum kita tempuhi lagi. Amat jauh terpesongnya budaya kita yang menyambut hariraya dengan maksiat seperti hiburan, nyanyian, tarian dan pelbagai kegilaan yang melupakan kita akan hari raya sebenarnya. Hari Raya Idulfitri hanya satu gambaran atau tamsilan bagi kita merenung bahawa Allah akan membalas dengan ganjaran baik jika berjaya melepasi rintangan hawa nafsu dan mengendalikan hidup mengikut cara yang Allah redhai.

Mudah-mudahan hariraya yang kita hadapi ini tidak berakhir di sini saja, sama-samalah kita berdoa semoga ia berterusan sehinggalah kita berjaya melepasi sakratul-maut, titian siratul-mustaqim, menjadi penghuni syurga dan akhirnya mengadap zat Allah Taala di syurga kelak. Amin..



Sekiranya ada sesiapa yang ingin memberi pendapat artikal bagi kelab sila e-mailkan kepada kami di amin@iiu.edu.my

### Ramadan & Aidilfitri

Puasa itu satu perintah  
Oleh Allah yang maha perkasa  
Perintah itu jangan dibantah  
Wajibnya itu pada yang berkuasa  
Hari raya hari yang berkat  
Bermaaf-maafan sesama saudara  
Hai manusia bulatkan tekad  
Perintah Allah laksanakan segera  
Sehari sudah lesu berpuasa  
Hidangan berbuka sudah tersedia  
Jangan kamu membazir masa  
Mulai beribadat semasa belia

Dingin di perigi waktu pagi  
Berkokok ayam ditengah laman  
Aidil fitri menjelma lagi  
Tamatlah ujian bagi yang beriman  
Disisir diandam dengan cekap  
Potong rambut pelbagai gaya  
Puasa sebulan sudahlah lengkap  
Kita menyambut Hari Raya  
Sebulan genap kita berpuasa  
Semoga digolongkan pada orang berjaya  
Diperintah sudah oleh Yang Berkuasa  
Sesudah berpuasa kita beraya

Lemah lembut tuan puteri  
Berhias pandai cantik dipandang  
Meriah menyambut Aidilfitri  
Sahabat handai datang bertandang  
Lemah lembut tuan puteri  
Berkain cindai cantik dipandang  
Meriah menyambut Aidilfitri  
Sahabat handai datang bertandang  
Udara dingin hening pagi  
Tabuh bising mulakan hari  
Aidilfitri menjelma lagi  
Masing-masing pakai berseri

Tanpa mengira miskin kaya  
Pangkat kedudukan hamba shaya  
Sama-sama menyambut raya  
Maaf-maafan dihari bahagia  
Aidilfitri hari kemenangan  
Kejayaan menempuh halangan  
Mengenali erti kesenangan  
Bagi mereka yang kekurangan  
Aidilfitri hari kemaafan  
Menghapus kesalahan sesama insan  
Memupuk perpaduan sesama ehsan  
Mengikat tali keakrapan

Cincin disarung hati berdebar  
Jarinan lembut wajah terhias  
Ramadan disambut penuh sabar  
Aidilfitri disambut dengan meriah

### BERSAMA KETUA BIRO PENDIDIKAN

Nama: Mokhtar Bin Ahmad

No staff: 243

Jawatan di UIA: Pembantu  
Tadbir Kanan

Jawatan di Kelab: Ahli  
Jawankuasa (Ketua Biro  
Pendidikan)



Alamat : 04-03-17, Gugusan Dedap, Jalan Merbah  
11/1, Seksyen 11, Kota  
Damansara,  
P. Jaya.

Berapa lama jadi ahli kelab: 4 tahun

Tarikh Lahir : 30hb. September 1965

Tempat lahir : Kuala Selangor

Email : mokhtar@iiu.edu.my

Berapa cahaya mata: - 5 orang

Harapan terhadap kelab: Saya mengharapkan supaya aktiviti kelab berterusan untuk ahli-ahli membuat kebajikan, beriadah, menimba ilmu dan lain-lain.

Kenangan manis bersama kelab : Apabila berjaya bersama rakan-rakan menjayakan program besar seperti Hari Keluarga, Forum Ad-Deen dan lain-lain.

Kenangan pahit bersama kelab: Apabila gagal bersama rakan-rakan menjayakan sesuatu program.

Cadangan kepada Kelab: Saya mencadangkan supaya Kelab bekerjasama dengan Persatuan lain seperti Kesatuan Kakitangan Am IIUM (KURNIA) menganjurkan program yang melibatkan kakitangan.

Pengalaman berpersatuan dalam/luar UIAM:

1. Bendahari KURNIA
2. Pengerusi Surau Al-Salam, Gugusan Dedap, Kota Damansara, P. Jaya.

Saidina Affan menyusun kata  
Tutur peri yang aulia  
Maaf-bermaafan sesama kita  
Di Aidilfitri yang mulia  
Buah pauh ditengah bendang  
Jadi dagangan ditengah kota  
Saudara jauh datang bertandang  
Bermaaf-maafan sesama kita

Sungguh rendang pohon rumbia  
Tempat persinggahan sianak kera  
Ketupat rendang sudah tersedia  
Jemputlah semua menjamu selera

## RENUNGAN

**SI-SOPAK, SI-BOTAK DAN SI-BUTA**

Pada suatu hari Allah memerintahkan malaikat bertemu dengan tiga orang Bani Israil. Ketiga-tiga mereka cacat; seorang botak, seorang sopak dan seorang lagi buta.

Malaikat yang menyamar seperti manusia itu bertanya si-sopak "Jika Allah hendak kurniakan sesuatu untuk kamu, apakah yang kamu mahu?" Si-sopak menjawab, "Saya mahu kulit saya sembuh seperti biasa dan diberi kekayaan yang banyak." Dengan takdir Allah, kulitnya kembali sembuh dan dikurniakan rezeki yang banyak.

Kemudian malaikat bertanya si-botak soalan yang sama. Si-botak menjawab, "Saya mahu kepala saya berambut semula supaya kelihatan kacak dan diberikan harta yang banyak." Tiba-tiba, dengan kurnia Allah si-botak itu kembali berambut dan diberikan harta yang banyak.

Selepas itu malaikat bertanya si-buta pertanyaan yang sama. Si-buta menjawab, "Saya hendak mata saya dicelikkan semula dan diberikan harta yang banyak." Dengan takdir Allah, mata si-buta menjadi celik dan dikurniakan kekayaan yang melimpah.

Selang beberapa bulan, Allah memerintahkan semula malaikat untuk berjumpa dengan ketiga-tiga orang cacat itu. Kali ini malaikat menyamar sebagai peminta sedekah. Dia berjumpa dengan orang pertama yang dulunya sopak dan meminta sedikit wang. 'Si-sopak' itu tidak menghulurkan sebarang bantuan malah mengherdik malaikat. Malaikat berkata, "Saya rasa saya kenal kamu. Dulu kamu sopak..dan miskin. Allah telah menolong kamu." Si-sopak tidak mengaku. Dengan kuasa Allah, si-sopak yang sombong itu bertukar menjadi sopak semula dan bertukar menjadi miskin.

Kemudian malaikat berjumpa dengan si-botak yang telah menjadi kaya dan berambut lebat. Apabila malaikat meminta bantuan, si-botak juga enggan membantu, malahan dia tidak mengaku bahawa dia dulu botak. Oleh sebab sombong dan tidak sedar diri, Allah menjadikan kepalanya botak semula dan bertukar menjadi miskin.

Malaikat berjumpa dengan orang buta yang telah diberikan penglihatan. Apabila malaikat meminta bantuan, si-buta memberikan keseluruhan hartanya dan berkata, "Ini semua harta pemberian Allah. Ambillah kesemuanya. Mata saya yang kembali celik ini adalah lebih berharga daripada kesemua harta ini." Malaikat tidak mengambil pemberian itu. Dia memberitahu bahawa dia adalah malaikat yang pernah datang dulu. Kedatangannya kali ini ialah untuk menguji siapa di antara mereka bertiga yang bersyukur.

Si-buta yang bersyukur itu terus dapat menikmati kekayaan dan penglihatannya. Manakala si-sopak dan si-botak kekal dengan keadaannya yang asal.

**MORAL & IKTIBAR**

- Allah mengurniakan kesenangan dan keselesaan adalah sebagai ujian untuk melihat siapakah di antara mereka yang bersyukur
  - Manusia yang bersyukur Allah akan tambah kurniaan sebaliknya manusia yang kufur akan di azab oleh Allah
  - Manusia seringkali lupa daratan apabila diberikan kemewahan dan kesenangan
  - Sangat sedikit hamba Allah yang bersyukur
  - Siapa yang tidak bersyukur kepada manusia, dia tidak akan bersyukur kepada Allah
  - Allah memberi kurnia kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan menarik nikmat daripada siapa sahaja yang dikehendakiNya
- Sifat syukur adalah satu sifat yang terpuji, sebaliknya kufur (kufur nikmat) adalah sifat yang dicela oleh Allah.



# Salam Aidilfitri

Selamat Menyambut  
ketibaan Syawal, semoga  
hidup lebih ceria dan  
seribu kenangan juga di puja

A. Kanak,  
Tumbalan Pergemsa  
Kelab.

Salam Aidilfitri, Maaf Zahir & Bathin

Mohd  
MOKHIAR AHMAD  
KEMAHIRAN PENDIDIKAN

Selamat Berpuasa dan Selamat  
menyambut Aidilfitri.  
Maaf Zahir & Bathin.

Salam A'ail Fitri  
Maaf Zahir Bathin.

Adnan  
(Mendahari Kelab)  
Atan Masnan Druwi

Anni  
Nor Asyiq Anni Anni.  
(Perolong Bendahari).

Selamat Berpuasa dan Selamat  
menyambut Hari Raya yg bakal tiba.

Mohd Jazmie (Juru Audit 1)

SALAM IQ ALFITRI  
MAAF ZAHIR BATHIN

harnimah  
PENGURUS  
Kelab Kebajikan Kakitangan  
Pusat Mafrikulasi U.I.A.M.  
Jalan Universiti 46350  
Petaling Jaya



**AJK Kelab Kebajikan Kakitangan  
Pentadbiran Pusat Mafrikulasi UIAM**



# Salam Aidilfitri

Selamat terus berpuasa,  
jangan lupa menyambut  
hari raya ya.....  
kali som *Waleah fo.*  
T. Pengemas 2.

Selamat menyambut bulan  
Syawal yang bakal tiba.

Selamat, selamat-lamatnya  
Buat semua perkara  
Maaf Zahir & Batin  
*Samsan Abu Huda m*  
Pembinaan Eka-Adm 2.

*Khairul Nizam Muslim*  
Ketua Biro Ekonomi

Selamat Hari Raya  
maaf ZAHIR Batin.  
JANGAN LUPA PUASA ENAM, NANTI.  
*Mohd Shurif Hashim*  
Setiausaha atork

Selamat Menyambut  
Pulan Ramadhan  
dan Selamat menyambut  
Hari Raya Puasa.

Maaf Zahir dan  
Batin. *Muad*  
NOR KHAIDA NORTAMER  
KETUA BIRO REKAB  
RAYA

Selamat Hari Raya Aidilfitri  
Maaf Zahir Batin  
*Asma Azziani Abd Ghani*  
PENOLONG SETIAUSAHA

Selamat Hari Raya  
Maaf Zahir & Batin  
DARI SBYA  
REWELEW RUA.  
*J. LATIF*  
BIRO  
KEMAJLISAN

Selamat Hari Raya  
Maaf Zahir Batin  
dari kami & sekeluarga.  
*Wah Limin*  
KETUA BIRO REHUB ERIMDAH

JIKA ADA SALAH SILAP,  
TERIKASAR BAHASA ATAU  
KETERLALUAN CARA, SAYA  
MENYUJUK JARI MEMINTA  
KEMAAFAN. SELAMAT HARI  
RAYA  
*Mohd Amin Ismail*  
KETUA BIRO  
PENERBITAN



**AJK Kelab Kebajikan Kakitangan  
Pentadbiran Pusat Matrikulasi UIAM**



## **RESEPI MEMBUAT BUBUR LAMBUK UKHUWAH (RESEPI KAMPUNG BARU)**

**Bubur lambuk untuk 200 orang**

**Minyak kelapa 3 kg**

**Minyak sapi QBB satu tin besar**

**6 kg daging cincang atau di potong dadu**

**(Udang besar Jika suka)**

**6 kg santan**

**1 kg halia muda – di blend**

**1 kg udang kering- blend separuh hancur**

**1 kg bawang putih**

**1 kg bawang besar**

**40 helai daun pandan**

**rempah - jintan putih, bunga cengkih, bunga lawang**

**buah pelaga, halba, kulit kayu manis**

**50 gram serbuk lada hitam – di bancuh dgn air (7)**

**Garam**

**1 kg Daun sup & daun bawang**

**Beras 15 kg – di basuk dan di toskan.(8)**

**Panaskan minyak kelapa + minyak sapi tumis bawang besar , bawang putih dah kuning masukkan daun pandan**

**Masukkan rempah ratus dah garing masukkan daging. Bila air daging dah kering sikit masukkan halia dan udang kering**

**Masukkan serbuk lada hitam (7) masak hingga wangi /garing.**

**Masukkan air sehingga separuh periuk, masak hingga air mendidih baru masukkan beras (8)**

**Bila beras dah kembang dan hampir masak masukan santan**

**Bila siap taburkan daun bawang dan daun sup**

**Selamat mencuba.**



*kawan yang baik umpama minyak wangi, kalau tidak memberi tetap rasa wanginya, kawan yang jahat pulak seperti besi yang panas, walau tidak didekati masih terasa bahang panasnya...*